

D757

U B690 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN

KUALA TERENGGANU, 17 OKT (BERNAMA) -- RAKYAT PERLU BERHATI-HATI TERHADAP PUJUKAN PEMBANGKANG YANG MENGAJAK MEREKA AGAR MENUKAR KERAJAAN YANG ADA KERANA JIKA TERSALAH LANGKAH MEREKA AKAN MENYESAL, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA, RAKYAT TIDAK HARUS TERPENGARUH DENGAN DAKWAAN DAN JANJI-JANJI MANIS PARTI PEMBANGKANG YANG DIBUAT SEMATA-MATA UNTUK MENDAPAT PENGARUH.

JIKA KERAJAAN YANG ADA +MASIH CANTIK+ KENAPA IA HARUS DITUKAR KEPADA YANG MASIH SAMAR-SAMAR KECANTIKANNYA, KATA BELIAU SEMASA BERUCAP KEPADA CALON DAN PETUGAS BARISAN NASIONAL TERENGGANU DI KEDIAMAN MENTERI BESAR, TAN SRI WAN MOKHTAR AHMAD, DI SINI.

MENURUTNYA, KERAJAAN BN BANYAK MEMBANTU DAN MEMBELA NASIB RAKYAT DAN SUDAH SEMESTINYA IA DIBERI MANDAT UNTUK MENERUSKAN RANCANGAN PEMBANGUNANNYA.

+KITA MELAYAN SEMUA KAUM DENGAN SAMA RATA DAN TIDAK PERNAH MENINDAS MANA-MANA BANGSA ATAU AGAMA DI NEGARA INI, MALAH MEREKA HIDUP DENGAN AMAN DAN SALING BANTU MEMBANTU,+ KATANYA. -- LAGI.
1956MST 17 10 90

D758

U B691 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN 2 KUALA TERENGGANU

BELIAU JUGA HAIRAN MENGAPA PARTI SEMANGAT 46 YANG MENGAKU BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN ORANG MELAYU SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) YANG TERNYATA MENINDAS ORANG MELAYU DI SABAH.

+BESOK TENGGU RAZALEIGH AKAN KE SABAH UNTUK MEMBANTU PBS DALAM KEMPEN PILIHAN RAYA DAN KITA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PEMIMPIN SEMANGAT 46 KERANA GAGASAN RAKYAT TELAH MEMENANGI 20 KERUSI DI SABAH,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT TIDAK PERLU HAIRAN JIKA SELEPAS INI SEMANGAT 46 ATAU PAS DAPAT BERBELANJA MEWAH KERANA MENDAPAT BANTUAN KEWANGAN DARIPADA RAKAN GABUNGAN YANG BANYAK DUIT.

+RAKAN MEREKA ITU KAYA KERANA MEMPUNYAI HUTAN BALAK DAN BOLEH MENEBAH SESUKA HATI SEDANGKAN KITA MENGAWAL JUMLAH BALAK YANG BOLEH DITEBANG.+

+KITA DALAM UMNO DAN BN AKAN TETAP BEKERJA KERAS UNTUK MEMBELA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA WALAUPUN TIDAK DIBEKALKAN DENGAN NASI DAGANG SETIAP PAGI,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA.
1958MST 17 10 90